

# Proton tidak akan diserahkan kepada pihak luar

UM - 2/6/2007

PEKAN 1 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Proton Holdings Bhd. (Proton) adalah harta milik negara yang penting dan kerajaan tidak akan menyerahkannya secara bulat-bulat kepada mana-mana pihak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu melihat Proton berada dalam kerugian tetapi pada masa yang sama ia tidak akan digadai atau dijadikan milik pihak luar dalam usaha untuk mendapatkan rakan strategiknya.

Beliau berkata, pendirian kukuh dalam hal itu adalah jelas dan mana-mana pihak yang berminat dengan Proton perlu memahaminya.

Jelas beliau, kerajaan mahukan rakan strategik dalam erti kata sebenar dan bukannya rakan yang berminat untuk mengambil alih syarikat pengeluar kenderaan nasional itu.

"Mesti ada pertemuan dari segi pemikiran dan pendirian kita, kalau tidak ada, maka tidak akan ada sebarang perjanjian, makna-

nya kita tidak serah (Proton) bulat-bulat, kita ada pendirian yang perlu dipenuhi rakan strategik," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Ekspo Kerjaya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pelancaran model pasang siap Suzuki Swift 1.5L.

Kedua-dua program itu diadakan sempena program Pekan Fest yang bermula Rabu lalu dan akan berakhir Ahad ini.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Latiffi Hashim; Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali; Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Azizan Ariffin; Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Masood Zainal Abidin dan Pengarah Kumpulan DRB-Hicom, Mohd. Khamil Jamil.

Najib berkata, penolakan untuk syarikat Volkswagen menjadi

rakan strategik dibuat kerana wujud perubahan sikap dan pendirian syarikat itu dalam menjalin usahasama dengan Proton.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Proton kini perlu menerima hakikat bahawa ia perlu bersaing dalam suasana yang lebih kompetitif dan kerajaan juga tidak dapat banyak membantu kerana terikat dengan perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Beliau berkata, pada masa ini, kerajaan bersedia untuk membantu Proton mencari rakan strategik yang baru.

Syarikat berkenaan kata beliau, perlu berusaha untuk muncul kembali membuat keuntungan dan kerajaan juga tidak sanggup melihat ia berada dalam kerugian.

"Proton terpaksa menghadapi realiti dan cabaran dan ia perlu berjaya kerana ini melibatkan imej negara kita," katanya.

Najib bagaimanapun yakin pengurusan Proton pasti mempunyai strategi untuk berubah dan kembali membuat keuntungan.